

UUM ONLINE: Ahli Lembaga Pengarah Universiti Utara Malaysia (UUM), Datuk Zuraidah Atan melahirkan rasa bangga dengan komitmen yang ditunjukkan oleh warga universiti ini yang hadir ke program Relay For Life untuk sama-sama menghayati semangat kesukarelawan dalam membantu pesakit kanser.

"Saya mengucapkan terima kasih pada warga UUM terutama kakitangan dan pelajar yang hadir untuk sama-sama menjiwai semangat kesukarelawan dengan membantu menyanjung pesakit kanser," tambahnya lagi yang juga Penasihat Kehormat Persatuan Kanser Malaysia.

Beliau yang ditemui juga berkata, kehadiran warga kampus ke program seperti ini dapat membantu kakitangan dan pelajar membiasakan diri dengan kesukarelawan di samping dapat mengenali dan merasai apa yang pesakit kanser alami.

Sementara itu, Ketua Kontinjen UUM, Muhammad Husaini Salleh berkata, penyertaan kali keenam ini menghimpunkan kakitangan dari pelbagai jabatan untuk menjayakan Relay for Life 2011 di Stadium Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Omar Hashim dari Jabatan Keselamatan pula berkata, beliau berbangga dan bersyukur dapat berjumpa dengan pesakit kanser dan sama-sama meraikan mereka untuk membantu mengembirakan di majlis seperti yang dianjurkan ini.

"Ini merupakan kali pertama penyertaan saya dalam program amal seperti ini dan saya berharap dapat menyertainya lagi pada masa akan datang kerana ia bukan sahaja dapat membentuk kesedaran dikalangan generasi muda malah dapat membentuk sikap keprihatinan terhadap masyarakat," kata pelajar, Nurul Huda Zainal Abidin.

Relay For Life merupakan program antarabangsa berbentuk larian selama 16 jam bermula pada jam 6 petang 16 Julai dan berakhir pada jam 10 pagi 17 Julai disertai lebih 5000 peserta dalam dan luar negara.

Larian yang berlangsung di Stadium UKM itu merupakan simbolik pada penyakit kanser akan menyerang manusia tanpa henti dan perlu membina kekuatan diri untuk mengharunginya.

=====
DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my